

USM buat
vaksin
meningitis halal
pertama dunia

KOTA BHARU 18 Okt. - Universiti Sains Malaysia (USM) akan bekerjasama dengan sebuah institusi perubatan dari Cuba, Finlay Institute untuk membangunkan vaksin meningitis atau radang otak, menggunakan bahan halal yang pertama di dunia.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed (**gambar**) berkata, kajian mengenai vaksin tersebut perlu dilakukan bagi memenuhi keperluan umat Islam di seluruh dunia terutama semasa menunaikan ibadat haji dan umrah.

Beliau berkata, kementeriaannya di bawah bajet Kajian Universiti meluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta untuk projek itu manakala Kerajaan Cuba pula menyumbang sebanyak RM1.6 juta (400,000 Euro).



"Kajian untuk mencipta vaksin halal ini amat penting kerana kebanyakan vaksin yang ada pada masa ini tidak menggunakan bahan halal dan kita terpaksa menggunakannya dalam keadaan darurat.

"Vaksin meningitis ini kebanyakannya digunakan oleh mereka yang akan menunaikan haji dan umrah di Mekah disebabkan ia menjadi satu peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis sambutan Aidilfitri Kampus Kesihatan USM di sini hari ini.

Turut hadir Naib Canselor USM, Prof. Datuk Dzulkifli Abdul Razak, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan Pelajar USM, Prof. Madya Omar Osman dan Pengarah Kampus Kesihatan USM, Prof. Datuk Dr. Mafauzy Mohamed.

Majlis tersebut dihadiri kira-kira 4,000 kakitangan dan pelajar Kampus Kesihatan USM.

Mustapa berkata, memorandum persefahaman (MoU) di antara kedua-dua pusat pengajian tinggi terbabit akan ditandatangani pada Disember ini di Cuba dan kajian itu dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

"Ia akan dikendalikan oleh 12 pakar dari USM dan 30 pakar dari Finlay Institute.

"Kita memilih Finlay Institute disebabkan kepakarannya dalam membangunkan vaksin dan idea ini dicetuskan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan diteruskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa lawatan beliau ke negara berkenaan," katanya.

Tambahnya, kementerian memperuntukkan sebanyak RM200 juta untuk USM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) untuk menjalankan kajian.